



PENGAMAN



MAJALAH POLIS DIRAJA MALAYSIA

BIL. 1/2015

www.rmp.gov.my

Menarik di dalam :

Pengenalan Kepada Konsep
Maqasid Al-Syari'ah
(Objektif Undang-Undang Islam)


ms 61

An Islamic Analysis on the
Justification of Abortion
Due to Non-Consensual Sexual
Violation

ms 83

Consent to Sexual Intercourse
by the Non-Disclosure of
Material Facts

ms 95



ISSN 2232-1139



1 772232 133009

Sidang Redaksi

Ketua Editor
ACP Datin Asmawati Ahmad


Editor
Supt Venugopal Navaretnam

Penolong Editor
DSP Arshad Mat
Y. Brs. Prof. Dr. Mohamad Ismail Mohamad Yunus (Perundangan)
ASP Aruwan Md Amilah
ASP Mohd Zaki Abu Bakar
ASP Mohd Nizam Hj. Jamaluddin

Staf Penerbitan
SM Zakaria Muhammad
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din
Kpl. Aslam Syir Khan Fairuz Khan
Kpl. Mohd Azahar Ahmad Suhaimi
L/Kpl. Mohd Iqbal Nasruddin
L/Kpl. Shazril Abd. Rashid
L/Kpl. Sathish Menon Silvaraman
Pn Shimatul Aida Maamor

Alamat Surat-menurut
Unit Penerbitan & Publisiti
Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman 50560
Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8325/8329/8331/8326
Faks: 03-2266 8330





KEDUDUKAN AGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Oleh: Dr. Hj. Mohammad Ismail bin Mohamed Yunus
Timbalan Dekan (HEP)
Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
ismailmy@uium.edu.my

Abstrak

Perlembagaan merupakan satu dokumen bertulis yang menggariskan undang-undang tertinggi dan prinsip-prinsip perjalanan pemerintahan sesebuah negara. Seperti mana dalam Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjelaskan bahawa "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu". Perlembagaan melambangkan wujudan demokrasi berparlimen di Malaysia yang memberikan jaminan kepada pemerintah dan rakyat dari segi perlindungan, kedudukan, hak dan sebagainya. Oleh sebab perlembagaan merupakan sumber undang-undang negara, maka semua pihak perlu akur kepada perlembagaan memandangkan kandungan perlembagaan dibuat secara demokrasi yang telah mewakili kehendak dan persetujuan semua pihak. Objektif tikel ini adalah untuk menganalisis secara khusus kandungan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan agama Islam dan Undang-undang Islam.





Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

Pengertian Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan merupakan prinsip-prinsip asas yang menentukan bagaimana negeri itu diasaskan dan diperintah seperti yang termaktub dalam undang-undang atau peraturan yang lazim dipakai. Perlembagaan tersebut bersangkutan paut dengan hal bagaimana keputusan-keputusan awam dicapai dan bagaimana kuasa diagih-agihkan di antara institusi-institusi kerajaan sama ada di peringkat pusat ataupun di peringkat tempatan. Perlembagaan juga akan menetapkan had-had kewibawaan kerajaan dan cara-cara pemilihan serta perlantikan pemerintah (Mohamad Sufian, 1997).

Manakala Persekutuan meliputi perkara mengenai hal-hal luar negara, pertahanan, keselamatan

dalam negeri, undang-undang jenayah dan sivil, kewarganegaraan dan lain-lain (Mohamad Sufian, 1997).

Islam Sebagai Agama Persekutuan

Dalam Perkara 160(2) Bahagian 12(Am dan Pelbagai) Perlembagaan Malaysia, orang Melayu didefinisikan sebagai orang beragama Islam dan mengamalkan cara hidup dan budaya Melayu serta bertutur dalam Bahasa Melayu. Sesungguhnya orang Melayu telah menganuti dan mengamalkan agama Islam sejak 500 tahun yang lalu. Antara faktor penting agama Islam cepat diterima oleh orang Melayu adalah kerana sultan pada masa itu beragama Islam. Orang Melayu yang terkenal sebagai taat dan pantang derhaka kepada sultan amat mudah menerima Islam sebagai agama baru mereka. Lebih-lebih lagi kedudukan sultan sebagai Ketua Agama mempercepatkan lagi proses penukaran agama kepada agama Islam.

Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa "Islam merupakan Agama Persekutuan. Sungguh pun begitu agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan" (Perlembagaan Malaysia, 2002). Selepas merdeka, agama Islam telah dijadikan agama persekutuan dan kerajaan. Sebagai agama rasmi negara, kerajaan mempunyai kuasa memperuntukan sebahagian daripada



Gambar Hiasan

perbelanjaan untuk pembangunan dan kemajuan berkaitan dengan agama Islam seperti perbelanjaan mengurus, pembinaan masjid dan sekolah agama. Sungguhpun agama Islam diberi keutamaan dalam perlombagaan, agama-agama lain bebas diamalkan oleh pengikut-pengikut mereka sesuai dengan negara demokrasi (Abdul Aziz, 2008).

Islam telah datang ke Kepulauan Melayu pada abad pertama Hijrah bersamaan tujuh Masihi. Perkembangan Islam berlaku pada abad Ke-15 Masihi melalui Empayar Kesultanan Melayu Melaka. Sehingga tersebar ke seluruh Tanah Melayu, Pulau Jawa, Borneo, Sulawesi dan Mindanao. Ia berlaku melalui faktor perdagangan, perkahwinan dan kebudayaan.

Nyatalah bahawa dengan kedatangan Islam ini telah mengubah sosio-budaya dan pemikiran masyarakat tempatan terutama sekali dari sudut pentadbiran dan perundangan. Ketika ini bukti sejarah telah menunjukkan bahawa undang-undang Islam telah diamalkan dengan hukum-hukum yang melibatkan jenayah, urusniaga, kekeluargaan, prosedur dan

keterangan. Penguatkuasaannya terbukti di dalam teks Hukum Kanun Melaka yang dikenali sebagai Undang-undang Melaka.

Hukum Kanun membuktikan kepada masyarakat hari ini bahawa Tanah Melayu ketika itu telah mengamalkan undang-undang Islam dalam semua bidang seperti hukum hudud, sebat ke atas penzina dan potong tangan ke atas pencuri. Hukuman qisas dan takzir serta diat turut dikuatkuasakan (Hasan, 2008).


Islam dalam Perlombagaan adalah satu isu yang penting kerana isu ini berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan majoriti penduduk di Malaysia. Isu ini juga merupakan isu yang sensitif kerana orang Melayu merasakan bahawa agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian mereka. Walaupun soal kepercayaan dan keimanan adalah urusan peribadi seseorang, namun dalam konteks Malaysia perkara ini boleh memberi kesan kepada ketenteraman awam khususnya yang melibatkan ketegangan kaum. Dalam perkara ini kita dapat lihat dalam kes Natrah, seorang gadis berbangsa Belanda yang dibesarkan secara Islam oleh sebuah keluarga Melayu dikembalikan kepada keluarga asalnya pada tahun 1951, serta kes penculikan dan kehilangan Aishah Bokhari pada tahun 1998 yang dikatakan telah dikristiankan dan dilarikan ke luar negara (Abdul Aziz, 2008).

Islam Dalam Perlombagaan Persekutuan

Islam adalah agama yang lengkap dan menyeluruh meliputi bukan sahaja aspek akidah tetapi juga kaedah-kaedah bernegara. Ini termasuk juga undang-undang perlombagaan dan pentadbiran. Di dalam Al-Quran dan As-Sunnah terdapat peruntukan-peruntukan hukum yang tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan tertegaknya sebuah negara dan kuasa politik seperti peruntukan hukuman jenayah, kewangan dan pentadbiran negara.

Matlamat kepada penubuhan sebuah negara Islam dan undang-undang perlombagaannya telah banyak diterangkan oleh Islam melalui Al-Quran dan As-Sunnah. Salah satunya melalui firman Allah SWT;

"Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan



Gambar Hiasan

membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat”.

Surah Al-Nisa' (4:105)

Ayat di atas menjelaskan kepada kita tentang matlamat utama penubuhan negara Islam dan undang-undang perlembagaannya. Antaranya ialah:

- i. Menegakkan syariat Islam dan menyampaikan dakwah Islam kepada rakyat;
- ii. Menegakkan keadilan sesama manusia;
- iii. Membela yang lemah dan melindungi golongan yang tidak berkemampuan serta yang memerlukan;
- iv. Mewujudkan ummah beriman yang sentiasa patuh dan membebaskan mereka dari pengabdian selain dari Allah SWT;
- v. Memelihara akidah Islam dari sebarang pencerobohan; serta
- vi. Membangunkan ummah bersesuaian dengan kehendak Syari'ah Islam.

Berpandukan kepada beberapa matlamat di atas, Malaysia telah meletakkan Perlembagaan Persekutuan sebagai badan tertinggi negara yang merangkumi eksekutif dan kehakiman. Kandungan perlembagaan yang berkaitan dengan Islam dan undang-undang Islam telah diperuntukan dalam Bahagian 1 di bawah Perkara 3 (Perlembagaan Persekutuan, 2002) iaitu:

“Islam adalah agama Persekutuan namun pada masa yang sama juga ia memberikan hak kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.

Berdasarkan kepada Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, agama Islam diberi kedudukan yang istimewa berbanding dengan agama-agama lain di Malaysia. Ini membuktikan bahawa Islam adalah agama rasmi persekutuan di samping agama-agama lain diberi kebebasan untuk dianuti dan dipraktikkan oleh penganut-penganutnya. Perlembagaan juga tidak mengatakan bahawa kebebasan agama itu bermaksud “bertukar agama” malahan ia menegaskan bahawa “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya”. Ini bermakna setiap orang mesti



Gambar Hiasan

mempunyai agama. Hal ini bersesuaian dengan Rukun Negara yang pertama iaitu "Kepercayaan kepada Tuhan". Ini juga membawa maksud bahawa Malaysia adalah sebuah negara beragama.

Meletakkan agama Islam di awal bahagian dalam Perlembagaan memberi makna yang besar dari segi peranan dan kedudukannya berbanding dengan agama-agama lain di negara ini. Kedudukan Islam yang istimewa ini tidak perlu dipertikaikan memandangkan peruntukan mengenainya ditunjangi oleh Perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi dan tidak ada yang dapat mengatasinya.

Kedudukan istimewa Islam ini juga mengambil kira elemen-elemen tradisional penduduk asal Tanah Melayu iaitu orang-orang Melayu yang menganut agama Islam ratusan tahun sejak bertapaknya Kerajaan Melayu Melaka pada kurun Ke-15 telah memperkenalkan undang-undang Islam yang dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka. Walaupun undang-undang ini mengandungi unsur-unsur adat tetapi sebahagian besar kandungannya mengandungi undang-undang

Islam sebenar yang meliputi perkara-perkara sivil dan jenayah (Abdul Aziz, 2008).

Walaupun begitu, Perkara 3(1) ini telah dikritik oleh *Sisters In Islam* (SIS) berkenaan dengan isu kebebasan beragama dalam perlembagaan melalui artikel yang dikeluarkan melalui laman sesawang yang berbunyi:

"The Government should exercise its political will to uphold and safeguard the fundamental liberties of citizens, including the freedom of religion as envisaged by the Quran and as reflected in Article 11 of The Federal Constitution and Article 18 of the Universal Declaration of Human Rights". In a multi-religious society such as ours, conflicting situations on the issues of faith are bound to arise. These includes;

- i. *NON-Muslims converting to Islam, thus affecting the right of non-converting family members;*
- ii. *BORN Muslim who never lead the life of a Muslim as they were brought up by non-Muslim family members;*

- iii. *CONVERT to Islam who later wants to leave the religion, and*
- iv. *BORN Muslim who wishes to leave out of their own free will.*"

(Zulkifli Abd Ghani & Noor Amani, 2012)

Jika diteliti, perkara ketiga dan keempat yang disenaraikan oleh SIS telah menimbulkan kerisauan umat Islam apabila mereka menuntut agar umat Islam dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) serta hak mereka sebagai warganegara juga perlu dihormati. Begitu juga *Inter Religious Council* (IRC) atau kini lebih dikenali dengan *Inter Faith Commission* (IFC) merupakan sebuah badan yang berfungsi seperti mahkamah dan segala keputusannya adalah muktamad, telah menghantar memorandumnya kepada Majlis Peguam yang bertarikh 21 Ogos 2001 dan antara isi kandungan memorandum tersebut adalah Orang Islam hendaklah diberi hak murtad tanpa permohonan ke Mahkamah Syariah. Ini adalah hak yang diberi (Artikel 11 Perlembagaan). Sebarang kes pertukaran agama orang Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh mahkamah sivil;


- i. Seseorang anak yang dilahirkan oleh ibu bapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam; dan
- ii. Orang-orang bukan Islam yang telah memeluk

Islam hendaklah diberikan kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang (Zulkifli Abd Ghani & Noor Amani, 2012).


Walau bagaimanapun, memorandum SIS dan cadangan daripada pihak IFC tersebut akhirnya mendapat respon pertubuhan-pertubuhan Islam di Malaysia sehingga tertubuhnya ACCIN (*Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs*) yang menyatakan bahawa penubuhan IRC akan membahayakan agama Islam.

Dalam perkara ini, isu Islam menjadi agama persekutuan tidak perlu dipersoalkan lagi bahkan ia menjadi agama dominan dan perlu mendapat banyak keistimewaan berbanding dengan agama-agama lain di Malaysia.

- ii. Perkara 3 Fasal (2) memperuntukkan bahawa dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisyiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, segala hak keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang



Gambar Hiasan




Gambar Hiasan

telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di Pertuan Agong (YDPA) mewakilinya. Tertakluk kepada Perkara 3 Fasal (2) di atas menjelaskan kepada kita bahawa kedudukan Raja-raja sebagai Ketua Agama di negeri-negeri di bawah pemerintahannya melainkan negeri yang tidak beraja maka YDPA akan mengambil alih sebagai Ketua Agama seperti di negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak (Abdul Aziz, 2005):

- iii. Bagi negeri yang mempunyai Raja, maka Raja adalah Ketua Agama bagi negeri tersebut secara dan setakat mana yang diakui dan diisyiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu. Dalam menjalankan tugas sebagai Ketua Agama Islam, mereka mempunyai budi bicara dan tidak terikat dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri. Namun begitu, YDPA boleh bertindak bagi pihak Raja-Raja dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan maka setiap orang Raja sebagai Ketua Agama Islam membenarkan YDPA mewakilinya berdasarkan

kandungan peruntukan Perkara 3 Fasal (2) ini iaitu "segala hak keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di Pertuan Agong mewakilinya. Peruntukan ini digunakan dalam pengisytiharan Ramadhan dan kedua-kedua Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha.

- iv. Perlembagaan Persekutuan juga menjelaskan bahawa YDPA berperanan sebagai Ketua Agama Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang tidak mempunyai Raja. Perkara ini diperuntukan dalam Perkara 3(5) iaitu walau apa-apa juar dalam Perlembagaan ini, Yang di Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.



Gambar Hiasan

Undang-Undang Islam Dalam Perlembagaan

Perlembagaan (*Dustur*) dalam Islam adalah bertujuan untuk melaksanakan tuntutan amanah dan keadilan di kalangan rakyat bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT. Penubuhan kuasa politik bagi menegakkan Siasah Syari'ah memerlukan undang-undang perlembagaan. Perlu ditegaskan di sini bahawa salah satu faktor penting untuk menegakkan perlembagaan Islam ialah dengan berasaskan kepada wahyu Al-Quran dan ia bukanlah timbul atau lahir daripada reaksi terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat.

Dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia yang berkaitan dengan Perundangan Islam dapat dilihat melalui beberapa peruntukan yang digariskan iaitu:-

- i. Perkara 11 Fasal (1) Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan;

"Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Perkara 11 Fasal (4), mengembangkan agamanya".

- ii. Perkara 11 Fasal (4) memperuntukkan;

"Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Labuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara

orang-orang yang menganuti agama Islam".

Untuk tujuan peruntukan ini beberapa buah negeri telah meluluskan enakmen-enakmen untuk mengawal dan menyekat penyebaran agama-agama lain di kalangan orang Islam. Antaranya ialah:-

- a) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Kedah) 1989/2007
- b) Enakmen Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Terengganu) 2001
- c) Ordinan Keterangan Syari'ah (Negeri Sarawak) 2001
- d) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Melaka) 2002
- e) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Kelantan) 2002
- f) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Selangor) 2003
- g) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Perlis) 2003/2006
- h) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Sembilan) 2003
- i) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Johor) 2003
- j) Enakmen Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Perak) 2004
- k) Enakmen Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Sabah) 2004



Gambar Hiasan


- i) Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- m) Enakmen Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Pahang) 2005; dan
- n) Akta Keterangan Mahkamah Syari'ah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997/2005

Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah (Negeri Kedah) 1989 merupakan undang-undang keterangan pertama digubal dan dilaksanakan di Malaysia. Negeri-negeri lain kemudiannya mengikuti langkah Negeri Kedah dan telah meluluskan enakmen undang-undang keterangan Mahkamah Syari'ah masing-masing.

Sebagai contoh, undang-undang keterangan Mahkamah Syari'ah di Negeri Selangor undang-undang keterangan yang pertama diluluskan ialah Enakmen Keterangan Syari'ah No. 6 Tahun 1996. Enakmen ini walau bagaimanapun telah digantikan dengan Enakmen Keterangan Syari'ah (Negeri Selangor) 2003 yang telah diluluskan dan diwartakan pada 24 Julai 2004. Antara kandungan peruntukan

Enakmen tersebut ialah "menjadi kesalahan menggalakkan, mempengaruhi atau membangkitkan perasaan seorang Islam untuk menukar agama; menyebabkan seorang kanak-kanak Islam dipengaruhi oleh unsur-unsur bukan agama Islam; mendekati seorang Islam untuk tujuan bersyarah atau menunjukkan beliau apa-apa perkara tentang agama bukan Islam; menghantar apa-apa juga bahan bertulis tentang agama bukan Islam kepada seorang Islam; dan mengedarkan apa-apa juga bahan bertulis tentang agama bukan Islam kepada orang Islam di tempat awam" (Abdul Aziz, 2008).

Sebagai makluman, berdasarkan kepada Enakmen Keterangan Syari'ah 2003 Negeri Selangor, perkataan Haji, Mekah, Ibadah dan Kaabah adalah antara perkataan lain selain kalimah 'Allah' yang dilarang penggunaannya oleh masyarakat bukan Islam. Enakmen ini juga turut menguatkan lagi Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang tidak membenarkan orang bukan Islam mengembangkan ajarannya kepada orang Islam (Enakmen 1988 Negeri Selangor).




Gambar Hiasan

Istilah ‘mengembangkan ajaran’ boleh diertikan dengan cara pujuk rayu, paksaan atau memberi sebarang pemberian berkenaan agama (bukan Islam) tentang agamanya kepada orang Islam. Ini termasuklah aktiviti mengedarkan naskah ‘Al-Kitab’ kepada orang Islam dan buku-buku ataupun komik-komik yang mengajarkan tentang konsep keagamaan mereka kepada pelajar sekolah yang beragama Islam. Dalam perkara ini, orang bukan Islam boleh menggunakan kalimah “Allah” dalam keadaan tertentu seperti dalam nyanyian lagu negeri Selangor iaitu “Allah Lanjutkan usia Tuanku” (<https://my.news.yahoo.com/memahami-penggunaan-perkataan-allah-menurut-perlembagaan-negara-092217665.html>).

- iii. Perkara 11 Fasal (3) Bahagian 2 (Kebebasan Asasi) iaitu tiap-tiap kumpulan adalah berhak;
- Menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;
 - Menubuh dan menyenggara yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat.

Peruntukan di atas Perkara 11(3)(a) menjelaskan maksudnya bahawa setiap kumpulan berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri seperti menubuh, menyenggarakan atau memiliki harta atau institusi dan sebagainya tetapi undang-undang Wilayah Persekutuan dan undang-undang negeri boleh menyekat atau mengawal pengembangan apa-apa kepercayaan agama ke atas orang-orang Islam. Perkara ini diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 11(4) yang menjelaskan tentang sistem perundangan negeri, Wilayah Persekutuan dan persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut agama Islam (Perlembagaan Malaysia, 2002).

Setiap kumpulan agama juga berhak menubuh, menyenggara yayasan-yayasan untuk pelajaran kanak-kanak mengenai agama masing-masing (rujuk Perkara 11(3)(b)). Bagi maksud ini, undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas bagi menubuhkan dan menyelenggarakan yayasan Islam atau mengajar agama Islam kepada kanak-kanak Islam dan orang Islam (Abdul Aziz, 2008).



Gambar Hiasan

Bagi maksud tujuan ini seksyen-seksyen 36 dan 37 Akta Pendidikan 1961 menghendaki sebarang sekolah yang menerima bantuan kerajaan menyediakan dan mengajar pelajaran pendidikan Islam dengan syarat jumlah pelajar-pelajar yang layak mempelajarinya tidak kurang daripada 15 orang (Akta Pendidikan, 1984).

Dalam Perkara 3 dan Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan:

"Perkara 3 menyebut bahawa Islam adalah agama rasmi Persekutuan, manakala Perkara 11 menyentuh larangan menyebarkan dakwah ajaran selain Islam kepada umat Islam".


Kedua-dua perkara ini sering dijadikan asas dan kayu pengukur perbahasan yang membabitkan isu berkaitan kebebasan beragama dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus tahu bahawa istilah 'agama rasmi Persekutuan' bermaksud Islam adalah agama rasmi semua negeri di Malaysia kecuali Sarawak.

Ia hanyalah satu konsep di peringkat Persekutuan, tetapi tidak mempunyai kuasa mutlak terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan agama Islam di negeri-negeri dan bagi setiap negeri ketua agamanya

ialah raja-raja. YDPA bukanlah ketua agama Islam negara tetapi beliau bertindak sebagai ketua agama Islam di Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan) dan beberapa negeri lain yang tidak mempunya raja. Meskipun Islam diiktiraf sebagai agama rasmi. Perkara 3 turut menjelaskan bahawa agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan.

Mengenai Perkara 11 pula yang menyatakan tiap-tiap individu di negara ini berhak menganuti dan mengamalkannya, tetapi tidak dibenar mengembangkan ajaran mereka kepada orang beragama Islam. Bagi penganut agama lain (selain Islam) mereka boleh menyebarkan ajaran agama anda kepada sesiapa pun tetapi dalam kurungan empat (4) perkara ini, undang-undang negeri dan persekutuan boleh mengawal atau menyekat perkembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Di sinilah timbulnya isu dan berlakunya kekeliruan pengertian 'mengembangkan ajaran' kepada orang Islam amat mudah disalah ertikan jika tiada pengetahuan yang mendalam mengenainya jika dilihat dari aspek undang-undang (<https://my.news>



Gambar Hiasan

yahoo.com/memahami-penggunaan-perkataan-allah-menurut-perlembagaan-negara-092217665.html.


Undang-undang Islam pada dasarnya adalah dibawah bidang kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN). Namun begitu, perkara dalam bidang kuasa mereka sangatlah terhad. Antaranya ialah dalam hal ehwal keluarga, nikah, cerai, penjagaan anak (*hadanah*), harta sepencarian, harta pusaka, waqaf dan beberapa perkara lain (sila rujuk Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan) (Abdul Aziz, 2008).

Bidang kuasa jenayah hanyalah merangkumi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali tentang perkara-perkara yang termasuk dalam senarai Persekutuan (bidang kuasa Parliment). Apa yang nyata ialah bidang kuasa ini hanya ke atas orang-orang Islam dan ini tidak termasuk semua aspek perundangan (Abdul Aziz, 2008).

Peruntukan mengenai agama Islam dan undang-undang Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia serta untuk menghindarkan kerosakan sebagaimana terkandung dalam lima tujuan utama

Maqasid al-Syari'ah iaitu menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Ia juga bertujuan mengembalikan manusia kepada nilai-nilai murni dan positif yang sangat diperlukan dalam menjana sebuah masyarakat yang harmoni dan direhui oleh Allah SWT. Bagi mencapai tujuan tersebut, ia boleh dilaksanakan melalui sistem dan peraturan Islam seperti penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan akidah, Syari'ah dan akhlak seperti pelaksanaan program pendidikan berterusan, kempen-kempen pencegahan jenayah dan maksiat, kempen makanan halal, program dakwah dan sebagainya.

Pihak-pihak atau organisasi yang bertanggungjawab di dalam penguatkuasaan undang-undang Islam seperti Mahkamah Syari'ah, Jabatan Agama Islam, Jabatan Agama Islam (JAKIM), Institusi Mufti dan Fatwa dan sebagainya perlu bertindak dengan tegas demi untuk memelihara kesucian Islam dan Maqasidnya. Ini membabitkan kes-kes seperti mencuri, menuduh berzina (*qazaf*), *murtad*, membunuh, ajaran sesat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan dan sebagainya. Begitu juga dalam kes yang berkaitan dengan undang-undang Keluarga Islam seperti perceraian, talak, anak tidak sah taraf, anak angkat, poligami, harta pusaka, hak penjagaan (*hadanah*) dan lain-lain lagi.

*Gambar Hiasan*

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan agen penting sebagai asas kepada undang-undang negara dan sesungguhnya ia mempunyai peranan yang sangat besar dalam membentuk perjalanan pemerintahan di negara ini. Walaupun didapati ada pihak tertentu yang tidak merasa puas hati mengenai beberapa perkara, namun demikian ia tetap berjaya melicinkan pentadbiran negara, mewujudkan keamanan dan kestabilan negara. Melalui Perlembagaan Malaysia, setiap warganegara sama ada pemerintah atau rakyat mendapat hak masing-masing serta mendapat pembelaan yang sewajarnya dari segi undang-undang yang termaktub.

Apa yang penting adalah diharapkan agar Perlembagaan Persekutuan ini memberi kuasa yang lebih luas dan memberi lebih kebebasan kepada sistem perundangan Islam melalui Mahkamah Syariah dan adalah diharapkan kuasa-kuasa ini dijalankan dengan sempurna dan berlandaskan ajaran-ajaran Al-Quran sepertimana Allah SWT berfirman;


"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara

manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat".

Surah Al-Nisa (4:58)

Rujukan

- Abdul Aziz Bari. (2005). Islam Dalam Perlembagaan Malaysia. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Aziz Bari. (2008). Perlembagaan Malaysia- Teori dan Praktis. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Akta Pendidikan 1961. (1984). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Akta Pendidikan 1996. (1998). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Al-Quran dan Tafsir Pimpinan Al-Rahman, 30 juzuk. (2010). Kuala Lumpur: Darul Fikri.



Gambar Hiasan

- Azharuddin Sahil. (2007). Panduan Lengkap Mencari Ayat-Ayat al-Quran Berdasarkan Kepada Kata Dasar. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Enakmen-Enakmen Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syari'ah Negeri-Negeri di Malaysia. (2008). International Law Book Services.
- Hasnah Hussin & Sri Lanang Jaya Hj. Rohani. (2008). Pengajian Malaysia. Serdang Jaya: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Hassan Ahmad. (2012). Institusi Islam. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2010). Analisis Kalimah Allah Menurut Perspektif Ahl Sunnah Wal Jamaah. Seminar Pemikiran Islam peringkat Kebangsaan II (Pemikir II). Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmud Ahmad. (2012). Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia. Cabaran dan Isu Kontemporari- Kalimah Allah. Kajian Terhadap Perspektif Islam dan Kristian. Nilai: USIM.
- Malaysia Kita - Panduan dan Rujukan Untuk Peperiksaan Am Kerajaan. (2012). Petaling Jaya: International Law Book Services
- Mohd Ayob Abd Razid.(2013). Mengenali Sejarah dan Asas-Asas Perlembagaan Malaysia.Kuala Lumpur. Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.
- Mohd. Salleh Abbas. (1997). Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Sufian. (1997). Mengenal Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan Persekutuan. (2002). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Zulkifli Abd Ghani & Noor Amani Mohamed Hussin. (2012). Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia. Cabaran dan Isu Kontemporari - Isu Akidah oleh Sisters In Islam (SIS) Dalam Media. Nilai: USIM.
- (<https://my.news.yahoo.com/memahami-penggunaan-perkataan-allah-menurut-perlembagaan-negara-092217665.html>)